



Headline: Peniaga rugi RM25,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar harian  
Date: 26 January 2021

Language: Malay  
Section: Negeri  
Page: 26

## Peniaga rugi RM25,000 ditipu Macau Scam

**KUALA TERENGGANU** - Seorang peniaga di Kuala Besut, Besut kerugian hampir RM25,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang dia tidak membayar cukai selama 15 bulan ke atas sebuah syarikat di Kuantan yang didaftarkan atas namanya.

Kejadian bermula pada 20 Januari lalu apabila lelaki berusia 43 tahun itu menerima panggilan individu kononnya wakil daripada pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mendakwa dia tidak membayar cukai berjumlah RM38,600.

Menurut sumber, suspek kemudian memaklumkan mahkamah sudah mengeluarkan waran tangkap kerana kesalahan itu lalu talian disambungkan ke Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuantan.

“Mangsa kemudian bercakap dengan seorang lelaki yang memperkenalkan diri pegawai polis sebelum dia mendakwa hasil semakan mendapati nama mangsa disalahgunakan atas kegiatan jenayah.

“Bagaimanapun mangsa dimaklumkan individu bergelar ‘Datuk’

akan membantunya menyelesaikan masalah itu dan pada hari yang sama mangsa menerima panggilan daripada individu berkenaan.

“‘Datuk’ itu kemudian meminta nombor akaun dengan alasan untuk menyelamatkan semua wang mangsa sebelum mengarahkan mangsa memuat naik aplikasi Bank Negara dengan alasan mengelak duit itu disita,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sumber berkata, mangsa yakin dirinya sudah ditipu selepas menghubungi pihak bank yang memaklumkan baki akaun syarikatnya hanya tinggal RM38 sahaja kerana sudah membuat beberapa kali transaksi ke nombor akaun berbeza,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendan M Zambri Mahmud ketika dihubungi *Sinar Harian* mengesahkan ada menerima laporan kejadian.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya.